

**MOTIVASI SEBAGAI FAKTOR PENGANTARA DAN HUBUNGAN
ANTARA PROGRAM MUKMIN PROFESIONAL DENGAN KARAKTER
KEPIMPINAN INSANIAH PELAJAR DI KOLEJ PROFESIONAL MARA**

WAN MUKHTAR BIN WAN MUDA

Tesis diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pertahanan Nasional
Malaysia, bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan Sumber

2024

ABSTRAK

Kajian lepas mendapati nilai-nilai kepimpinan dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) masih pada tahap yang sederhana. Malah, sorotan literatur mendapati kekurangan kajian secara holistik terhadap hubungan konstruk-konstruk pelaksanaan sesuatu program dalam pembentukan karakter kepimpinan dalam kalangan pelajar di IPT. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti konstruk-konstruk utama sebagai pemboleh ubah bebas dalam pelaksanaan Program Mukmin Profesional (PMP) di Kolej Profesional MARA (KPM), serta menguji kesan langsung konstruk-konstruk tersebut dalam pelaksanaan PMP dengan pembentukan karakter kepimpinan insaniah pelajar. Kajian turut menilai peranan motivasi belajar sebagai pemboleh ubah pengantara antara konstruk-konstruk utama dengan pembentukan karakter kepimpinan insaniah pelajar. Pendekatan kuantitatif dengan analisis statistik menggunakan instrumen soal selidik dilaksanakan terhadap sampel berjumlah 674 orang pelajar semester akhir di semua enam buah KPM seluruh Malaysia. Pengujian terhadap hipotesis-hipotesis dijalankan untuk menganalisis kesan langsung konstruk-konstruk utama yang menjadi pemboleh ubah-pemboleh bebas dalam pelaksanaan PMP terhadap pembentukan karakter kepimpinan insaniah pelajar serta peranan motivasi belajar sebagai pemboleh ubah pengantara. Semua sampel dianalisis menggunakan laluan *SmartPLS* versi 3.2.8 menunjukkan kesan langsung yang signifikan ($p < 0.05$), peranan pensyarah ($p = 0.033$), sokongan pengurusan ($p = 0.010$) dan sokongan persekitaran pelajar ($p = 0.000$) dengan pembentukan karakter kepimpinan insaniah pelajar KPM. Hanya konstruk kandungan modul mempunyai kesan langsung yang tidak signifikan ($p = 0.057$). Manakala dapatan pengujian kesan motivasi belajar sebagai pemboleh ubah pengantara mengesahkan bahawa konstruk kandungan modul ($p = 0.000$), peranan pensyarah ($p = 0.000$), sokongan pengurusan ($p = 0.007$) dan sokongan persekitaran ($p = 0.000$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi belajar ($p = 0.000$) serta memberi impak kepada pembentukan karakter kepimpinan insaniah pelajar. Pengujian kesan langsung secara keseluruhannya menunjukkan nilai kuasa R ialah 0.415 manakala kesan pemboleh ubah pengantara pula menunjukkan kuasa R ialah 0.465 iaitu pada tahap sederhana. Hasil kajian juga mendapati semua konstruk PMP mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi belajar sebagai pemboleh ubah pengantara yang penting dengan pembentukan karakter kepimpinan insaniah pelajar. Oleh itu, semua pihak perlu meningkatkan sokongan pelaksanaan PMP serta meningkatkan motivasi belajar para pelajar di KPM untuk mengukuhkan keberkesanan pelaksanaannya bagi membentuk karakter kepimpinan insaniah pelajar. Hasil kajian ini menjadi panduan untuk penambahbaikan, serta memastikan pelaksanaan PMP mencapai objektif yang digariskan.

ABSTRACT

The previous study found that leadership values among students in higher education institutions (HEI) are still at a moderate level. Moreover, a literature review identified the lack of holistic studies on the relationships between the constructs of implementing a program in shaping leadership character among students in HEI. Therefore, this study was conducted to identify the main constructs as independent variables in the implementation of the Professional Muslim Program (PMP) at MARA Professional College (MPC), and to examine the direct effects of these constructs on the implementation of PMP in shaping the character of students' '*insaniah*' leadership. The study also assessed the role of learning motivation as a mediating variable between the main constructs and the formation of students' '*insaniah*' leadership character. A quantitative approach with statistical analysis using a questionnaire instrument was conducted on a sample of 674 final semester students in all six MPCs throughout Malaysia. Hypothesis testing was carried out to analyze the direct effects of the main constructs as independent variables in the implementation of PMP on the formation of students' '*insaniah*' leadership character, as well as the role of learning motivation as a mediating variable. All samples were analyzed using SmartPLS version 3.2.8, showing significant direct effects ($p < 0.05$), lecturer's role ($p = 0.033$), management support ($p = 0.010$), and environmental support ($p = 0.000$) on the formation of humane leadership character in MPCs students. Only the module content construct had a non-significant direct effect ($p = 0.057$). Meanwhile, the findings of the mediating variable test confirmed that the module content construct ($p = 0.000$), lecturer's role ($p = 0.000$), management support ($p = 0.007$), and environmental support ($p = 0.000$) had a significant relationship with learning motivation ($p = 0.000$) and impacted the formation of students' '*insaniah*' leadership character. The overall direct effects testing showed an R-squared value of 0.415, while the mediating variable effects showed an R-squared value of 0.465, both at a moderate level. The study's results also found that all PMP constructs had a significant relationship with learning motivation as a crucial mediating variable in the formation of students' '*insaniah*' leadership character. Therefore, all parties need to enhance support for the implementation of PMP and increase the learning motivation of students in MPCs to strengthen its effectiveness in shaping students' '*insaniah*' leadership character. The study's results serve as a guide for improvement and ensure that the implementation of PMP achieves the outlined objectives.

PENGHARGAAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan mulia, Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarganya, para sahabatnya, serta kepada seluruh umatnya yang ikhlas mengikuti sunnah perjuangannya kerana Allah SWT.

Saya dengan penuh keinsafan, bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan taufik dan inayahNya, dapat menyiapkan kajian ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Sumber) di Universiti Pertahanan Nasional, Malaysia. Saya berbesar hati mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia utama, Lt Kol. Prof. Madya Dr. Hj. Noor Azmi Bin Hj. Mohd Zainol (Bersara) serta penyelia bersama iaitu Prof. Dr. Sayuti Bin Ab Ghani, dan Dr. Amnah Saayah Binti Ismail yang telah membimbing serta memberi tunjuk ajar, nasihat, berkongsi ilmu dan pengalaman serta kemahiran dalam menyiapkan kajian ini. Mereka telah banyak menyumbang masa, tenaga serta kepakaran sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Jutaan terima kasih kepada pihak Majlis Amanah Rakyat terutamanya Bahagian Sumber Manusia dan Bahagian Pendidikan Tinggi yang telah memberi peluang serta kebenaran kepada saya mengikuti program ini. Penghargaan juga saya rakamkan buat pihak pengurusan tertinggi semua enam Kolej Profesional MARA seluruh Malaysia yang telah memberi kebenaran, bantuan serta sokongan yang baik semasa saya menjalankan penyelidikan ini.

Penghargaan kasih sayang buat ayahbonda tercinta Al-marhum Wan Muda Wan Ismail, Al-marhumah Maimun Asbu, serta semua ahli keluarga yang menyokong saya selama ini. Teristimewa buat isteri Rosmiza Mohd Zainol, serta anak-anak cahaya mata yang tersayang Wan Nur Ameera Sofea, Wan Muhammad Darwish dan Wan Nur Aneesa Durrani yang banyak bersabar serta memahami kesibukan sepanjang saya mengikuti program ini.

Akhir kata, sekalung penghargaan juga saya titipkan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama serta sokongan yang padu sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini. Semoga Allah SWT memberi ganjaran yang terbaik serta keberkatan buat mereka semua.

WAN MUKHTAR BIN WAN MUDA
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
2023

PERAKUAN PEMERIKSA

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan telah bermesyuarat pada **26 September 2023** untuk menjalankan pemeriksaan akhir bagi **WAN MUKHTAR BIN WAN MUDA** dalam tesisnya bertajuk '**MOTIVASI SEBAGAI FAKTOR PENGANTARA DAN HUBUNGAN ANTARA PROGRAM MUKMIN PROFESIONAL DENGAN KARAKTER KEPIMPINAN INSANIAH PELAJAR DI KOLEJ PROFESIONAL MARA**'. Jawatankuasa ini mengesyorkan agar pelajar dianugerahkan ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Sumber).

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Lt Kol Prof. Madya Dr. Mohammad Daud bin Hj. Johari (Bersara)

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Pengerusi)

Prof. Dr. Hj. Hasan Al-Banna bin Mohamed

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Pemeriksa Dalaman)

Prof. Madya Dr. Mohd Azhar bin Abd Hamid

Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan

Universiti Teknologi Malaysia

(Pemeriksa Luar)

Prof. Madya Dr. Abdullah bin Mat Rashid

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Luar)

PERAKUAN PENYELIA

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat untuk ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Sumber). Ahli jawatankuasa penyelia adalah seperti berikut

Lt Kol. Prof. Madya Dr. Hj. Noor Azmi bin Hj. Mohd Zainol (Bersara)

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Utama)

Prof. Dr. Sayuti bin Ab Ghani

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Bersama)

Dr. Amnah Saayah binti Ismail

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Bersama)

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

PERAKUAN TESIS

Nama : WAN MUKHTAR BIN WAN MUDA
Tarikh Lahir : 15 JANUARI 1972
Tajuk : MOTIVASI SEBAGAI FAKTOR PENGANTARA DAN HUBUNGAN ANTARA PROGRAM MUKMIN PROFESIONAL DENGAN KARAKTER KEPIMPINAN INSANIAH PELAJAR DI KOLEJ PROFESIONAL MARA
Sesi Akademik: 2018/2019

Dengan ini mengaku bahawa karya dalam tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang telah diakui dengan sewajarnya.

Saya mengaku bahawa tesis ini dikelaskan sebagai::

- ☐ **SULIT** (Mengandungi maklumat sulit mengikut Akta Rahsia 1972)*
- ☐ **TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang dispesifikasikan oleh organisasi kajian)*
- ☐ **TERBUKA** Bersetuju bahawa tesis ini kelesulurannya diterbitkan secara terbuka dan di atas talian

Saya maklum bahawa pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak-hak seperti berikut

1. Tesis ini merupakan hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berhak untuk membuat Salinan bagi tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berhak untuk membuat Salinan bagi tujuan perkongsian akademik.

(Tandatangan Pelajar)

720115-11-5269
(No. Kad Pengenalan)

Tarikh:

(Tandatangan Penyelia)

Lt. Kol. Prof. Madya Dr. Hj. Noor Azmi bin Hj. Mohd Zainol
(Nama Penyelia)

Tarikh:

NOTA: Sekiranya tesis ini diklasifikasikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada organisasi kajian yang menyatakan tempoh masa dan sebab diklasifikasikan sebagai sulit atau terhad.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PERAKUAN PEMERIKSA	v
PERAKUAN PENYELIA	vi
PERAKUAN TESIS	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	6
1.3 Penyataan masalah	15
1.4 Objektif kajian	18
1.5 Persoalan kajian	19
1.6 Kepentingan kajian	19
1.6.1 Sumbangan teori kajian	20
1.6.2 Sumbangan metodologi kajian	21
1.6.3 Sumbangan praktikal kajian	23
1.7 Skop kajian	25
1.8 Definisi operasional	26
1.8.1 Program Mukmin Profesional	26
1.8.2 Motivasi belajar	29
1.9 Organisasi bab	30
1.10 Kesimpulan bab	31
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	33
2.1 Pendahuluan	33
2.2 Takrif konseptual istilah	33
2.2.1 Program Mukmin Profesional (PMP)	33
2.2.2 Karakter pelajar	47
2.2.3 Kepimpinan insaniah	49
2.2.4 Konsep motivasi belajar	57
2.3 Bukti-bukti teoritikal yang menyokong kajian	63
2.3.1 Teori Penetapan Matlamat - Locke & Latham (1991)	63
2.3.2 Teori Keadilan - Adams (1963)	66
2.3.3 Teori Pelaziman Operan - Skinner (1966)	68
2.3.4 Teori Pembelajaran Sosial - Bandura (2001)	70
2.3.5 Teori Jangkaan - Vroom (1964)	72
2.3.6 Teori Kepimpinan Transformasi - Burns (1978)	74

2.4	Bukti-bukti empirikal yang menyokong hubungan kandungan modul, peranan pensyarah, sokongan pengurusan dan persekitaran dengan pembentukan karakter pelajar	77
2.4.1	Hubungan antara kandungan modul dengan pembentukan karakter pelajar	78
2.4.2	Hubungan antara peranan pensyarah dengan pembentukan karakter pelajar	81
2.4.3	Hubungan antara sokongan pengurusan dengan pembentukan karakter pelajar	85
2.4.4	Hubungan antara sokongan persekitaran dengan pembentukan karakter pelajar	88
2.5	Bukti-bukti empirikal yang menyokong hubungan kandungan modul, peranan pensyarah, sokongan pengurusan dan persekitaran dengan motivasi belajar sebagai pemboleh ubah pengantara terhadap pembentukan karakter	90
2.5.1	Hubungan antara kandungan modul dengan motivasi belajar terhadap pembentukan karakter pelajar	91
2.5.2	Hubungan antara peranan pensyarah dengan motivasi belajar terhadap pembentukan karakter pelajar	93
2.5.3	Hubungan antara sokongan pengurusan dengan motivasi belajar terhadap pembentukan karakter pelajar	95
2.5.4	Hubungan antara sokongan persekitaran dengan motivasi belajar terhadap pembentukan karakter pelajar	98
2.6	Kerangka konseptual kajian	101
2.6.1	Kerangka konseptual kesan langsung	101
2.6.2	Kerangka konseptual kesan pemboleh ubah pengantara	103
2.7	Hipotesis kajian	105
2.7.1	Hipotesis kesan langsung	105
2.7.2	Hipotesis kesan pemboleh ubah pengantara	106
2.8	Kesimpulan bab	106
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	108
3.1	Pendahuluan	108
3.2	Reka bentuk kajian	109
3.2.1	Temu bual terperinci	112
3.2.2	Kajian rintis	125
3.2.3	Kajian sebenar	133

3.3	Prosedur persampelan	137
3.3.1	Populasi kajian sebenar	138
3.3.2	Kaedah pemilihan sampel	139
3.3.3	Ciri-ciri sampel kajian	140
3.4	Analisis data kajian	141
3.4.1	Analisis data menggunakan IBM SPSS	142
3.4.2	Analisis data menggunakan Pakej <i>SmartPLS</i>	142
3.5	Pengujian hipotesis kajian	149
3.5.1	Pengujian hipotesis kesan langsung	149
3.5.2	Pengujian hipotesis kesan pemboleh ubah pengantara	150
3.6	Kesimpulan bab	153
BAB 4	ANALISIS DATA	155
4.1	Pendahuluan	155
4.2	Dapatan kajian sebenar	155
4.2.1	Lokasi kajian	156
4.2.2	Penapisan data	157
4.2.3	Perbandingan kebolehpercayaan soal selidik	159
4.2.4	Responden kajian	160
4.2.5	Model persamaan struktural	162
4.2.6	Analisis model pengukuran	172
4.2.7	Analisis model struktural	180
4.3	Kesimpulan bab	184
BAB 5	PENGUJIAN MODEL DAN HIPOTESIS KAJIAN	185
5.1	Pendahuluan	185
5.2	Dapatan pengujian model kajian	185
5.3	Dapatan pengujian hipotesis kesan langsung	187
5.3.1	Dapatan pengujian H1a	192
5.3.2	Dapatan pengujian H1b	192
5.3.3	Dapatan pengujian H1c	193
5.3.4	Dapatan pengujian H1d	194
5.4	Dapatan pengujian hipotesis kesan pemboleh ubah pengantara	195
5.4.1	Dapatan pengujian H2a	198
5.4.2	Dapatan pengujian H2b	200
5.4.3	Dapatan pengujian H2c	201
5.4.4	Dapatan pengujian H2d	203
5.5	Perbincangan dapatan pengujian hipotesis	205
5.5.1	Dapatan pengujian kesan langsung	205
5.5.2	Dapatan pengujian kesan pemboleh ubah pengantara	211
5.6	Kesimpulan bab	219

BAB 6	KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	221
6.1	Pendahuluan	221
6.2	Ringkasan keseluruhan kajian	221
6.3	Kesimpulan kajian	223
6.4	Implikasi kajian	233
6.4.1	Implikasi terhadap teori	233
6.4.2	Implikasi terhadap kaedah penyelidikan	237
6.4.3	Implikasi terhadap organisasi	239
6.5	Limitasi kajian	244
6.6	Cadangan kajian akan datang	245
6.7	Penutup	249
BIBLIOGRAFI		251
LAMPIRAN-LAMPIRAN		
A.	1. Memo Pelaksanaan Program Mukmin Profesional	290
	2. Ringkasan Modul Program Mukmin Profesional	291
B.	Surat Pengesahan Pelajar Siswazah	314
C.	Surat Permohonan Penyelidikan	320
D.	Surat Kebenaran Bahagian Pendidikan Tinggi	321
E.	Surat Lantikan Panel Pakar	323
F.	Ringkasan Maklumat Temu bual Terperinci	328
G.	Borang Soal Selidik Rintis	342
H.	Borang Soal Selidik Sebenar	349
I.	Analisis Data Kajian Rintis (IBM SPSS Versi 25.0)	356
J.	1. Analisis Data Sebenar (IBM SPSS Versi 25.0)	368
	2. Analisis Data Sebenar (<i>SMART PLS</i> Versi 3.2.8)	
	<i>PLS ALGORITHM</i>	384
	3. Analisis Data Sebenar (<i>SMART PLS</i> Versi 3.2.8)	
	<i>BOOTSTRAPPING</i>	395
BIODATA PELAJAR		398
SENARAI PENERBITAN		402

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1:	Profil responden temu bual terperinci fasa pertama	114
Jadual 3.2:	Jadual penentuan item soal selidik	117
Jadual 3.3:	Latar belakang panel pakar	122
Jadual 3.4:	Dapatan indeks kesahan kandungan konstruk	124
Jadual 3.5:	Dapatan maklum balas pakar tambahbaik soal selidik	124
Jadual 3.6:	Kandungan soal selidik kajian rintis dan bilangan item	126
Jadual 3.7:	Maklum balas kajian rintis	128
Jadual 3.8:	Ciri-ciri responden dan profil sampel rintis (n=30)	129
Jadual 3.9:	Dapatan ujian kebolehppercayaan item kajian rintis	130
Jadual 3.10:	Profil responden temubual terperinci	131
Jadual 3.11:	Pemilihan item soal selidik kajian rintis berdasarkan temu bual terperinci	132
Jadual 3.12:	Pengutipan data-data mengikut KPM	136
Jadual 4.1:	Lokasi kajian ikut KPM	156
Jadual 4.2:	Dapatan ujian kenormalan data	158
Jadual 4.3:	Perbandingan kebolehppercayaan soal selidik sebenar dan rintis	159
Jadual 4.4:	Ciri-ciri responden dan profil sampel kajian sebenar (n=674)	161
Jadual 4.5:	Kenyataan tentang maksud item konstruk kandungan modul (KM)	165
Jadual 4.6:	Kenyataan tentang maksud item konstruk peranan pensyarah (PP)	166
Jadual 4.7:	Kenyataan tentang maksud item konstruk sokongan pengurusan (SU)	167

Jadual 4.8:	Kenyataan tentang maksud item konstruk sokongan Persekitaran (SS)	169
Jadual 4.9:	Kenyataan tentang maksud item konstruk karakter kepimpinan insaniah (KI)	170
Jadual 4.10:	Kenyataan tentang maksud item konstruk motivasi belajar (MB)	171
Jadual 4.11:	Nilai purata varian diekstrak (AVE)	174
Jadual 4.12:	Pengujian kriteria <i>Fornell-Larckel</i>	175
Jadual 4.13:	Dapatan ujian pemberat silang	175
Jadual 4.14:	Dapatan ujian HTMT	177
Jadual 4.15:	Nilai pemberat antara item dengan konstruk	178
Jadual 4.16:	Kebolehpercayaan komposit dan <i>Alpha Cronbach</i>	180
Jadual 4.17:	Dapatan penilaian <i>Collinearity</i>	181
Jadual 4.18:	Dapatan pengujian signifikan	182
Jadual 4.19:	Nilai ketepatan jangkaan model (R^2)	183
Jadual 4.20:	Kesan sebenar konstruk bebas ke atas konstruk bersandar (f^2)	184
Jadual 5.1:	Ringkasan dapatan pengujian hipotesis penilaian kesan langsung	205
Jadual 5.2:	Ringkasan dapatan pengujian hipotesis penilaian kesan pemboleh ubah pengantara	211

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1:	Reka bentuk kurikulum untuk perkembangan pelajar di KPM dan Kolej MARA	7
Rajah 1.2:	Model pembudayaan Ulul Albab dalam Program Mukmin Profesional	8
Rajah 2.1:	Nilai kepimpinan insaniah	55
Rajah 2.2:	Kerangka konseptual kesan langsung	102
Rajah 2.3:	Kerangka konseptual kesan pemboleh ubah pengantara	104
Rajah 3.1:	Prosedur analisis pemboleh ubah pengantara	151
Rajah 3.2:	Prosedur pengiraan <i>Variance Accounted For</i> (VAF)	153
Rajah 4.1:	Model struktural kesan langsung	163
Rajah 4.2:	Model struktural kesan pemboleh pengantara	163
Rajah 4.3:	Hubungan antara item dan kandungan modul (KM)	164
Rajah 4.4:	Hubungan antara item dan peranan pensyarah (PP)	165
Rajah 4.5:	Hubungan antara item dan sokongan pengurusan (SU)	167
Rajah 4.6:	Hubungan antara item dan sokongan persekitaran (SS)	168
Rajah 4.7:	Hubungan antara item dan karakter kepimpinan insaniah (KI)	169
Rajah 4.8:	Hubungan antara item dan motivasi belajar (MB)	171
Rajah 4.9:	Analisis pengesahan faktor	172
Rajah 5.1:	Analisis hubungan konstruk	186
Rajah 5.2:	Kesan langsung terhadap pembentukan karakter kepimpinan insaniah	191

Rajah 5.3:	Dapatan pengujian hipotesis 1a	192
Rajah 5.4:	Dapatan pengujian hipotesis 1b	193
Rajah 5.5:	Dapatan pengujian hipotesis 1c	194
Rajah 5.6:	Dapatan pengujian hipotesis 1d	195
Rajah 5.7:	Kesan pemboleh pengantara terhadap pembentukan karakter kepimpinan insaniah	197
Rajah 5.8:	Dapatan pengujian hipotesis 2a	199
Rajah 5.9:	Dapatan pengujian hipotesis 2b	201
Rajah 5.10:	Dapatan pengujian hipotesis 2c	202
Rajah 5.11:	Dapatan pengujian hipotesis 2d	204

SENARAI SINGKATAN

AS	<i>'Alaihi Salam</i>
AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
BPT	Bahagian Pendidikan Tinggi
COVID	<i>Coronavirus Disease</i>
CVI	<i>Content Validation Index</i>
DCS	<i>Diploma in Computer Science</i>
DLK	<i>Diploma in Landscape and Horticulture</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
HTMT	<i>Heterotrait-Monotrait Ratio</i>
IBM SPSS	<i>IBM Statistical Packages for Social Science</i>
IPMa	Institusi Pendidikan MARA
IPS	Ilmu Pengetahuan Sosial
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IQT	Institut al-Qur'an Terengganu
KI	Kepimpinan Insaniah
KIM	Model Kemahiran Insaniah Mesti
KM	Kandungan Modul
KPI	Indeks Prestasi Utama
KPM	Kolej Profesional MARA
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
M	<i>Mean</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MB	Motivasi Belajar
MBTN	Modul Bimbingan Tazkiyah al-Nafs
MDK	Modul Dalam Kelas

MLK	Modul Luar Kelas
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
O	<i>Original</i>
OKU	Orang Kelainan Upaya
PAFA	Perkara Asas Fardhu ‘Ain
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PLS-SEM	<i>Partial Least Squares Structural Equation Modeling</i>
PMP	Program Mukmin Profesional
PP	Peranan Pensyarah
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAW	<i>Sallallahu ‘Alaihi Wasallam</i>
SB	Sekolah Berasrama
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SK	Sekolah Kluster Cemerlang
SMA	Sekolah Menengah Agama
SMJKC	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMT	Sekolah Menengah Teknik
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMRSM	Sistem Pendidikan MRSM
IBM SPSS	<i>IBM Statistical Packages for Social Science</i>
SS	Sokongan Persekitaran
SW	Sekolah Swasta
STDEV	<i>Standard Deviation</i>
SU	Sokongan Pengurusan
SWT	<i>Subhanahu Wa Ta’ala</i>

TPHEA	Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik
TPHEP	Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UTHM	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
VAF	<i>Variance Accounted for</i>
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Program untuk membangunkan karakter pelajar merupakan perkara asas dalam sesuatu institusi pendidikan (Kristiawan et al., 2019; Shodiq, 2021). Hal ini kerana pendidikan karakter pelajar merupakan salah satu daripada intipati penting dalam pendidikan di samping kebijaksanaan (Sobri et al., 2018; Makkawaru, 2019). Keupayaan sesuatu institusi melaksanakan program pendidikan dengan sistematik dengan sokongan pelbagai pihak akan menatijahkan pembentukan karakter pelajar sejajar dengan objektif yang digariskan.

Pendidikan karakter melalui proses pendidikan yang menitikberatkan tingkah laku berdasarkan nilai-nilai murni dan moral (Dewey, 1930; Kristjánsson, 2016; Kristiawan et al., 2019; Shodiq, 2021). Pendidikan karakter pelajar yang holistik merangkumi sudut, jasmani, emosi, rohani dan intelektual (Lickona, 1993; Makkawaru, 2019). Pendidikan karakter yang holistik dalam Islam bukan sahaja menfokuskan aspek kehidupan di dunia sahaja, malah menitikberatkan aspek kepentingan di akhirat (Saharia, 2015; Khatimah et al., 2022). Karakter ialah akhlak,

etika dan moral kerana karakter mengandungi nilai-nilai perilaku manusia sama ada perilaku tersebut ketika berhubungan dengan Tuhan atau sesama manusia, mahu pun dengan persekitaran (Samrin, 2016; Hasmayni et al., 2019).

Nas al-Quran serta hadith sangat menitikberatkan akhlak dalam kehidupan. Allah SWT telah berfirman dalam *Surah al-Qalam* yang bermaksud :

“Dan bahawa sesungguhnya Engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia”

(al-Quran 68: 4)

Penyempurnaan akhlak adalah antara misi utama diutuskan Nabi Muhammad SAW seperti sabda baginda yang bermaksud :

"Sesungguhnya yang terbaik antara kamu adalah yang paling baik akhlaknya"

(HR al-Bukhari: 2444)

Pendidikan karakter merupakan suatu usaha untuk mendidik seseorang supaya memahami dan bertindak berdasarkan nilai-nilai asas etika dan akhlak (Muhammad et al., 2012; Hartati et al., 2020). Kajian pelaksanaan suatu program pendidikan karakter pelajar di sesebuah institusi amat penting untuk mengenal pasti peranan serta hubungan konstruk-konstruk utama pelaksanaannya dengan pencapaian objektif yang digariskan (Francis et al., 2018; Yuyun & Abdul Mujib, 2021). Isu ini amat penting kerana ia melibatkan pembentukan karakter sumber manusia yang akan menjadi modal insan dalam pembangunan negara (Ab Aziz & Mutiara Dwi, 2017; Kuraedah et al., 2018; Hartati et al., 2020).

Kajian pelaksanaan program pendidikan karakter di peringkat institusi pengajian tinggi mendapat perhatian yang tinggi oleh para pengkaji terdahulu (Md

Sabil et al., 2021). Institusi pengajian tinggi berperanan untuk menghasilkan modal insan kepada negara (Ab Rahim et al., 2022). Misalnya, kajian terhadap empat modul kursus MPU U1 bagi Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) menunjukkan penerapan nilai-nilai murni kepada karakter pelajar melalui modul tersebut (Noor Syahida et al., 2023). Kajian Rency dan Abna, (2019) mendapati pelaksanaan suatu program pendidikan memberi kesan yang positif dalam pembentukan karakter pelajar yang diharapkan. Dapatan Nor Anisa et al. (2022) pula menunjukkan pelaksanaan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) membantu peningkatan sahsiah murid seperti kecerdasan emosi, keterlibatan dan daya tahan mereka.

Pelaksanaan program pendidikan untuk membangunkan karakter pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang dibina pada tahun 1988. Pelaksanaan FPK untuk membangunkan potensi para pelajar iaitu modal insan yang pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia serta bertanggungjawab. Oleh itu, kurikulum di institusi pengajian perlu mengandungi unsur-unsur utama FPK iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial (Syahirah et al., 2022). Program pendidikan yang dilaksanakan juga perlu dipastikan berada dalam landasan seperti di gariskan dalam FPK yang seimbang dan holistik (Saad & Rajamanickam, 2021). FPK yang dibina pada tahun 1988 adalah seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan

kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988)

FPK menjadi tunjang kepada sistem pendidikan pelbagai peringkat di Malaysia. Pelaksanaan FPK untuk membangunkan potensi para pelajar iaitu modal insan yang pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia serta bertanggungjawab. Oleh itu, kurikulum di institusi pengajian perlu mengandungi unsur-unsur utama FPK iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial (Syahirah et al., 2022). Program pendidikan yang dilaksanakan juga perlu dipastikan berada dalam landasan seperti di gariskan dalam FPK yang seimbang dan holistik (Saad & Rajamanickam, 2021).

Pelan Induk Pendidikan 2006-2010 telah menggariskan satu piawaian kurikulum yang dilaksanakan dalam pendidikan tinggi di Malaysia perlu menerapkan kemahiran insaniah bertujuan untuk melahirkan modal insan yang selari dengan matlamat FPK (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2006). Ia meliputi tujuh elemen utama yang terdiri daripada kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan untuk dilaksanakan

di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan (Noorazman et al., 2014; Ismail et al., 2021; Ramdan, 2023).

Pelbagai program telah dilaksanakan di institusi pengajian tinggi (IPT) untuk memperkasakan konstruk-konstruk kemahiran insaniah mahasiswa (Assain & Safar, 2011; Hartati et al., 2020) sehingga ia dijadikan sebahagian daripada kurikulum (Anderson, 2018; Shodiq, 2021). Program-program ini dilaksanakan secara menyeluruh dengan menggabungkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara formal dengan program ko-kurikulum di institusi pengajian tinggi (Anderson, 2018; Ab Rahim et al., 2022). Misalnya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) membangunkan Pusat Kemahiran Generik untuk Pengajian Am, Universiti Teknologi Mara (UiTM), penerapan kemahiran insaniah dilaksanakan melalui Program Kemahiran Insaniah (Pro-KI), Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) pula melaksanakan Modul “*Seven Pillars of KUIPs*” untuk mengarusperdanakan kemahiran insaniah (Mohd Azuwan et al., 2017). Oleh kerana itu, program pendidikan karakter untuk melahirkan pemimpin insaniah sangat bermakna dan perlu dilaksanakan sebaiknya.

Seterusnya, dalam bab pertama ini membincangkan pengenalan serta latar belakang kajian yang akan dijalankan iaitu pelaksanaan program pendidikan karakter iaitu Program Mukim Profesional (PMP) di Kolej Profesional MARA (KPM). Bab ini juga akan membincangkan pernyataan masalah, persoalan-persoalan serta objektif kajian. Pengkaji juga akan menjelaskan skop serta kepentingan kajian dalam bab ini. Definisi istilah operasi kajian juga akan diuraikan secara ringkas dalam bab ini.

1.2 Latar belakang kajian


Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah memperkenalkan program-program pendidikan yang menitikberatkan untuk membangunkan karakter pelajar di pelbagai peringkat. MARA telah memperkenalkan program Sistem Pendidikan MRSM (SPMRSM) di peringkat menengah. Program ini merupakan program pendidikan yang mengintegrasikan antara program pendidikan Sains Tulen dengan program aliran agama termasuk tahfiz al-Quran (Umi Kalthom et al., 2015) yang bermatlamatkan untuk melahirkan ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tetapi mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan al-Quran dan al-Hadith sebagai generasi *Ulul Albab* (Nik Safiah et al., 2015).

MARA melalui Bahagian Pendidikan Tinggi MARA (BPT) telah melaksanakan Program Mukmin Profesional (PMP) di Kolej Profesional MARA (KPM) dan Kolej MARA pada tahun 2016 (Laporan Tahunan MARA, 2016). Program ini dilaksanakan kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang sedang mengikuti program-program profesional yang ditawarkan di Kolej Profesional MARA (KPM) dan Kolej MARA. PMP menggunakan pendekatan pembudayaan konsep *Ulul Albab* yang diterapkan dalam kursus-kursus wajib pengajian Islam yang ditawarkan kepada para pelajar serta aktiviti-aktiviti luar kelas yang telah dirancang (Bahagian Pendidikan Tinggi MARA [BPT MARA], 2016).

Pelaksanaan PMP ini telah ditegaskan oleh mantan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bahawa Program Mukmin Profesional ini diterapkan ke dalam kurikulum sedia ada di KPM sebagai nilai tambah

kepada program diploma untuk membentuk modal insan yang profesional serta melahirkan generasi bercirikan quranik, ensiklopedik dan ijthadik di semua Institusi Pendidikan Mara (IPMa) termasuk di KPM untuk melahirkan lebih banyak ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan serta berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah (Utusan Malaysia, 2017).

Modul PMP dirangka dengan menerapkan nilai-nilai *Ulul Albab* bagi mencapai visi melahirkan Mukmin profesional yang berteraskan al-Quran di institusi pendidikan tinggi MARA iaitu di KPM dan Kolej MARA di bawah selian BPT (BPT MARA, 2016). Berdasarkan kepada reka bentuk kurikulum untuk perkembangan pelajar di KPM dan Kolej MARA (Rajah 1.1) menunjukkan pelaksanaan PMP selaras dengan matlamat kurikulum itu dibentuk. Kurikulum ini mempunyai nilai-nilai *Ulul Albab* bermatlamat untuk menghasilkan modal insan yang profesional, mempunyai nilai murni, serta berdaya saing dan mempunyai ciri karakter kepimpinan.



Rajah 1.1 Reka bentuk kurikulum untuk perkembangan pelajar di KPM dan Kolej MARA

Sumber: Modul Program Mukmin Profesional Pembudayaan Ulul Albab KPM dan Kolej MARA (2016)